

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1992/93

April 1993

PLG 317 - Kaedah Mengajar Sejarah I

Masa: [2 jam]

-----  
Jawab soalan No. 1 dan DUA soalan yang lain.  
-----

1. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) meletakkan Pendidikan Kewarganegaraan sebagai sebahagian dari pendidikan sejarah.

Bincangkan:

- a) Ciri-ciri kewarganegaraan yang hendak disemaikan melalui proses pengajaran-pembelajaran sejarah.
- b) Implikasinya terhadap proses pengajaran-pembelajaran sejarah.

[40 markah]

2. Bincangkan asas-asas falsafah yang terkandung di dalam Kaedah Inkuiri. Dengan menggunakan satu teknik yang sesuai, rancangkan satu pelajaran yang mencerminkan falsafah tersebut.

[30 markah]

3. Pilih DUA daripada alat-alat bantu mengajar berikut dan bincangkan penggunaannya di dalam pengajaran-pembelajaran sejarah.

- a) Filem  
b) Buku Teks  
c) Sumber Asli  
d) Carta masa.

[30 markah]

...2/-

4. Lawatan ke tempat-tempat bersejarah merupakan satu aktiviti yang terkeluar dari rutin biasa bilik darjah. Aktiviti ini penting kerana murid-murid didedahkan secara terus kepada "sumber-sumber asli dalam penyelidikan sejarah".

Rancangkan satu aktiviti lawatan luar bagi satu kelas sejarah dengan menyatakan objektif-objektif sejarah yang hendak dicapai serta aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengannya.

[30 markah]

5. Berikut disenaraikan beberapa kaedah yang boleh digunakan di dalam penyusunan Sukatan Pelajaran Sejarah. Pilih DUA daripadanya dan bincangkan dengan terperinci konsep dan pelaksanaan kaedah tersebut. Nyatakan juga kebaikan dan kelemahan kaedah-kaedah yang anda pilih.

- a) zamanan
- b) kronologi
- c) garis-garis perkembangan
- d) tema

[30 markah]